



10 DEC, 2021

MYHackathon 2020 tingkat perkhidmatan utama awam



Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

MYHackathon 2020 tingkat perkhidmatan utama awam

Oleh NURFARAHIN HUSSIN
nurfarhin.hussin@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: MYHackathon 2020 berjaya mencungkil idea berasal dari meningkatkan perkhidmatan utama awam yang lebih efisien, selari dengan keadaan pandemik Covid-19 yang membataskan pergerakan bersemuka.

Menerusi inisiatif tersebut, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi agensinya, Cradle Fund Sdn. Bhd. membangunkan sebanyak 18 penyelesaian terpilih daripada pernyataan masalah yang dikenal pasti di semua peringkat kerajaan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, perkhidmatan awam di negara ini sama ada di peringkat negeri maupun persekutuan telah melalui pelbagai perubahan yang drastik khususnya sejak tahun lalu termasuk corak pentadbiran berdasarkan conventional government kepada e-government, dan kini dalam era fasa Kerajaan Digital.

"Menerusi MYHackathon, para peserta tidak kira latar belakang pendidikan dan kerja diberi peluang mengetengahkan idea dan penyelesaian masalah yang memberi impak positif dalam menambah baik sistem penyampaian kerajaan seterusnya memberi manfaat kepada Keluarga Malaysia."



ADHAM Baba menyampaikan sijil kepada seorang penerima pada Majlis Graduasi MYHackathon 2020, baru-baru ini.

"Justeru, semua pihak harus menggembangkan tenaga untuk mempelajari dan memperkuatkannya kemahiran digital bagi menyokong transformasi pendigitalan, sekali gus mampu bersama-sama kerajaan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada komuniti bisnes dan rakyat," katanya dalam Majlis Graduasi MYHackathon 2020, baru-baru ini.

Hari Graduasi MYHackathon dianjurkan bagi meraikan 18 penerima geran di atas usaha keras mereka dalam merealisasikan idea

penyelesaian masing-masing. Setiap kumpulan yang berjaya menerima RM250,000 dengan Cradle memainkan peranan untuk membina projek rintis yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun ini.

Menurut Adham, antara penyelesaian menarik adalah Ozel Sdn. Bhd. yang memenangi MyHackathon Johor Bahru telah tampil dengan projek rintis sebuah buku interaktif pembelajaran asas Islam untuk komuniti Orang Kelainan Upaya pekak berusia tiga hingga enam tahun.

"Penyelesaian begini memberi

impak yang positif kepada golongan sasar dan manfaatnya sampai ke akar umbi dalam usaha meringankan beban rakyat.

"Selain itu, NEUON AI daripada MyHackathon Kuching yang disokong oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak pula telah berjaya menghasilkan projek rintis bagi penyelesaian sistem pengesahan jalan berlubang mesra digital untuk penyelenggaraan jalan.

"Projek ini mempunyai kadar pengkomersialan tertinggi dan berjaya menembusi pasaran global baru-baru ini dengan enam Memorandum Persefahaman

(MOU) dimeterai di Ekspo 2020 Dubai," tambahnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle Fund, Rafiza Ghazali memaklumkan, MYHackathon 2020 adalah program yang pertama umparannya pada skala nasional dan bertujuan mencari penyelesaian digital bagi permasalahan yang diketengahkan golongan sasar.

Ujarnya, menerusi MYHackathon, para pemenang kategori Maraton telah berjaya membangunkan penyelesaian yang berpaksikan rakyat dari pernyataan masalah yang dikenal pasti di semua peringkat Kerajaan persekutuan, negeri, dan daerah tempatan.

"Kini, mereka telah berjaya membina idea-idea penyelesaian ke tahap yang boleh diguna pakai, di mana kesemuanya sedang dilancarkan secara berperingkat mulai tahun ini.

"Cradle juga telah diamanahkan dengan peranan penting untuk memulih daya tahan ekonomi start-up untuk menyumbang pembangunan negara, dengan peruntukan RM20 juta tahun hadapan. Cradle akan menganjurkan MYHackathon 2022 untuk membina dan menyulurkan start-up berpotensi tinggi ke dalam ekosistem negara, mengukuhkan perkongsian awam serta menyokong keseluruhan agenda STI nasional," ujarnya.



10 DEC, 2021

MYHackathon 2020 tingkat perkhidmatan utama awam

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA: MYHackathon 2020 berjaya mencungkil idea beras dalam meningkatkan perkhidmatan utama awam yang lebih efisien, selari dengan keadaan pandemik Covid-19 yang membataskan pergerakan bersemuka. Menerusi inisiatif tersebut, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi agensinya, Cradle Fund Sdn. Bhd. membangunkan sebanyak 18 penyelesaian terpilih daripada pernyataan masalah yangdikenal pasti di semua peringkat kerajaan. Menterinya, DatukSeri Dr.